

Headline	FBM KLCI ditutup lebih tinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	203 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,681		



FBM KLCI ditutup lebih tinggi

» Menokok 8.61 mata dipacu kaunter mewah dan berwajaran tinggi terpilih

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) mencatatkan paras penutupan lebih tinggi semalam ekoran minat belian berterusan di kaunter mewah dan berwajaran tinggi terpilih.

FBM KLCI naik 8.61 mata kepada 1,844.1, selepas bergerak di antara 1,828.48 dan 1,846.49 sepanjang semalam.

Suasana pasaran positif dengan 414 saham untung berbanding 338 saham rugi manakala 299 tidak berubah, 508 yang lain tidak diniagakan dan 16 kaunter digantung urus niaga.

Jumlah dagangan susut kepada 905.01 juta saham bernilai RM818.25 juta berbanding 925.20 juta saham bernilai RM758.92 juta pada Selasa.

Di papan skor, Indeks Kewangan naik 70.199 mata kepada 16,907.67, Indeks Perusahaan meneguh 8.63 mata kepada 3,134.72 dan Indeks Perladangan meningkat 44.21 mata kepada 8,761.7. Indeks FBM

Emas mengukuh 47.32 mata kepada 12,706.57, Indeks FBMT100 menambah 47.05 mata kepada 12,443.88 dan Indeks FBM 70 menokok 9.13 mata kepada 14,052.59.

Bagaimanapun, Indeks FBM Ace turun 5.15 mata kepada 5,590.07.

Antara saham cergas, Asian Pac menambah 1.5 sen kepada 18 sen dan BIMB Holdings naik empat sen kepada 86.5 sen. Sumatec dan Nextnation masing-masing kekal pada 27.5 sen dan setengah sen.

Dalam kalangan saham berwajaran tinggi, Maybank mengukuh sembilan sen kepada RM10.04, TNB meningkat enam sen kepada RM11.14, CIMB menokok sesen kepada RM7.62 dan Axiata lima sen lebih tinggi pada RM6.80.

Sime Darby dan PETRONAS Chemicals masing-masing meningkat tujuh sen kepada RM9.47 dan RM6.88.

Jumlah dagangan dalam Pasaran Utama bertambah kepada 716.917 juta saham bernilai RM771.212 juta daripada 623.98 juta saham bernilai RM717 juta pada Selasa.

Pasaran ACE mencatatkan penyusutan jumlah dagangan kepada 160.749 juta unit bernilai RM41.474 juta daripada 276.64 juta unit bernilai RM36.98 juta.

Waran meningkat jumlahnya kepada 21.790 juta saham bernilai RM2.725 juta daripada 19.18 juta saham bernilai RM2.51 juta sebelumnya.

Barangan pengguna menguasai 86.705 juta saham yang diniagakan dalam Pasaran Utama, barangan perusahaan 129.178 juta, pembinaan 41.282 juta, perdagangan dan perkhidmatan 239.976 juta, teknologi 27.053 juta, prasarana 4.525 juta, SPAC 22.376 juta, kewangan 36.380 juta, hotel 501,400, harta 112.926 juta, perladangan 11.105 juta, perlombongan 5,200, REIT 4.884 juta dan dana tertutup 17,000. **BERNAMA**

Headline	FBM KLCI ditutup lebih tinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	27 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	203 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,681		

